

03/10/1997

Agong beri ucapan tahniah

KUALA LUMPUR, Khamis - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengucapkan tahniah kepada Presiden Jerman, Roman Herzog, sempena sambutan Hari Perpaduan negara itu hari ini. Kerjasama dan persefahaman antara kedua-dua negara juga dapat dipertingkatkan menerusi lawatan Herzog ke Malaysia pada April lalu, kata beliau.

Menurut kenyataan Kementerian Luar di sini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Canselor Jerman, Helmut Kohl. - Bernama

(END)